

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA
KAKITANGAN KETENGAH**

**BALAI ORANG RAMAI (BALORA)
BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH**

8 APRIL 2016, JUMAAT

WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM

Assalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh

Yang Berbahagia Tuan Haji Omar Ismail

Pengurus Besar KETENGAH;

Ketua-ketua agensi di bawah Kementerian, pegawai-pegawai kanan seterusnya kakitangan KETENGAH sekalian;

1. Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah keizinan-Nya dapat saya hadir buat pertama kalinya ke wilayah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah atau KETENGAH pada hari ini. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengurusan KETENGAH kerana sudi menjemput saya untuk berkunjung ke wilayah ini bagi menjayakan beberapa program yang telah diatur bermula malam ini hinggalah petang esok.

2. Saya amat sukacita di atas peluang ini kerana banyak perkara baru yang dapat saya hayati di dalam setiap lawatan ke tempat baru dan menjadi hasrat saya untuk turun padang serta meninjau segenap ceruk rantau kawasan di bawah pengurusan Kementerian serta agensi-agensi di bawahnya termasuklah KETENGAH sendiri.

3. Terima kasih juga untuk tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana memberi sambutan yang meriah di atas kunjungan saya yang pertama ini. Saya percaya warga KETENGAH adalah golongan kakitangan awam yang proaktif serta sentiasa memandang ke hadapan bagi memperbaiki pencapaian diri dan organisasi pada setiap masa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

4. Alhamdulillah, sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah saya amat bersyukur kerana telah diamanahkan menerajui sebuah kementerian yang berkait secara terus dengan luar bandar termasuklah dari segi pembangunan kawasan dan juga pembangunan penduduk. Memang benar sebagai anak kampung, luar bandar amat dekat di hati saya dan saya memahami denyut nadi luar bandar yang kini sedang giat kita bangunkan demi kebajikan rakyat. Justeru, saya amat memandang berat amanah yang terpikul di bahu saya ini.

5. Salah satu perkara yang saya gariskan sempena 100 hari saya di KKLW ialah Transformasi Luar Bandar dengan tema Membandarkan Luar Bandar. Saya merasakan ini satu jihad yang menjadi tanggungjawab kita bersama kerana sebahagian besar luar bandar dihuni oleh kita orang Melayu. Justeru, kelancaran usaha membangunkan luar bandar akan menunjukkan siapa kita dan apakah yang telah kita lakukan untuk luar bandar.

6. Saya yakin dengan 6 Fokus Utama iaitu Prasarana Luar Bandar, Pembangunan Belia Luar Bandar, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan dan Sistem Penyampaian yang ditangani dengan sebaik-baiknya akan memberi satu nafas baru kepada perkembangan luar bandar yang benar-benar berdaya maju dari segi sosial, ekonomi, keusahawanan dan modal insan yang cemerlang.

Tagline **Membandarkan Luar Bandar**, diharap akan memberi kesedaran yang mendalam terhadap kita semua untuk berusaha dengan lebih gigih dalam setiap bidang yang kita laksanakan demi kelangsungan kita orang Melayu di luar bandar. Sebab itulah saya menggariskan juga 19 transformasi sebagai pelaksana kepada 6 Fokus Utama untuk menggembelng tenaga kita semua bagi mencapai hasrat tersebut.

7. Justeru, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan sekalian kakitangan KETENGAH bersama-sama dengan saya melaksanakan tugas yang besar ini. Kita akan berusaha meningkatkan martabat luar bandar hingga ke satu tahap di mana luar bandar akan menjadi penyumbang utama kepada kemakmuran negara di masa hadapan.

8. Saya amat berharap agar segala pembangunan yang dijalankan di luar bandar dengan segala kemudahan yang diperlukan akan mengekalkan golongan belia di luar bandar. Kita ingin golongan muda menjadi tonggak kepada pembangunan luar bandar, berusaha bersama-sama dengan Kerajaan menjadikan luar bandar yang cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

9. Alhamdulillah setelah masuk sendiri ke wilayah KETENGAH, saya dapat melihat dengan lebih jelas lagi aspek-aspek pembangunan KETENGAH yang mencangkupi pembangunan infrastruktur, sosial, ekonomi dan pembangunan modal insan yang berlangsung di wilayah ini.

10. Apa yang dilaksanakan oleh KETENGAH ini adalah selari dengan hasrat dan matlamat penubuhan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sendiri sebagaimana yang saya tegaskan tadi. Ia bukanlah setakat memajukan kampung dan desa dengan kemudahan-kemudahan asas dan kemudahan sosial sebagaimana yang dinikmati di bandar, malah yang lebih penting dari itu ialah ke arah memajukan masyarakat luar bandar itu sendiri agar mampu dan bijak menggunakan segala kemudahan yang ada demi meningkatkan kualiti hidup mereka sendiri.

11. Saya percaya hasrat saya ini telah difahami oleh kakitangan KETENGAH sekalian kerana di dalam lirik lagu Rodat tadi pun terdapat garapan Transformasi Luar Bandar. Justeru, saya berharap kita semua dapat memainkan peranan masing-masing dengan sebaik-baiknya demi membantu Kerajaan merealisasikan pembangunan luar bandar yang cemerlang.

12. Bagi Kerajaan sendiri, pembangunan modal insan adalah menjadi teras pembangunan kerana hanya melalui manusia yang cemerlang maka pembangunan negara akan dapat dipacu dengan sebaik-baiknya bagi meletakkan negara kita sebaris dengan negara-negara yang telah dikenali sebagai negara maju pada hari ini. Inilah hasrat dan matlamat Kerajaan melalui Wawasan 2020.

13. Apa yang dapat saya katakan ialah Kerajaan akan tetap meneruskan dasar-dasar yang pragmatik untuk memastikan negara kita maju ke hadapan dalam dunia yang penuh mencabar hari ini. Seluruh rakyat tanpa mengira kaum, budaya dan agama akan tetap menerima faedah daripada program pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan.

14. Bagi kakitangan awam pula kita perlu melengkapkan diri dengan segala pengetahuan dan kemahiran termasuklah di bidang ICT bagi membolehkan kita melaksanakan setiap tugas dengan cekap, cepat, berkesan dan sempurna serta menepati kehendak pelanggan. Ingatlah bahawa penduduk luar bandar bergantung harap kepada kita untuk membawa pembangunan dan perubahan bagi membolehkan mereka dan generasi akan datang menikmati kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

15. Insha Allah saya akan cuba mengatur program lawatan seterusnya ke wilayah KETENGAH kerana saya ingin melihat sendiri pembangunan yang telah dijalankan dan program-program yang akan dilaksanakan pada masa hadapan. Ini penting sebagai satu gabungan tenaga di antara kita bagi memastikan KKLW dan agensi-agensinya sentiasa berada di atas landasan yang betul dalam mencorak dan memajukan luar bandar menjelang 2020.

16. Sebelum mengundur diri, sekali lagi ucapan terima kasih kepada KETENGAH di atas sambutan ini dan juga program-program pada hari esok. Saya berdo'a agar KETENGAH terus melangkah gagah dengan melaksanakan lebih banyak program dan projek untuk rakyat pada masa hadapan.

Sekian, wabillaahittaufig walhidaayah

Wassalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh